



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, CHIKUNGUNYA DAN ZIKA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 31/2017 dari 30 Julai hingga 5 Ogos 2017)

Peningkatan kes Denggi berlaku pada minggu ke-31 tahun 2017 iaitu dari 30 Julai hingga 5 Ogos 2017, iaitu sebanyak 1,899 kes Demam Denggi telah dicatatkan, meningkat sebanyak 21 kes (1.1%) berbanding 1,878 kes pada minggu ke-30 tahun 2017. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Denggi yang direkodkan sehingga 5 Ogos 2017, ialah sebanyak 59,521 kes berbanding 67,437 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 7,916 kes (11.7%).

Daripada jumlah tersebut, Selangor mencatatkan kes Demam Denggi yang tertinggi dengan 32,591 kes yang dilaporkan disusuli WP Kuala Lumpur & Putrajaya dengan 6,165 kes, Johor dengan 4,972 kes, Perak dengan 4,454 kes dan Negeri Sembilan merekodkan 2,422 kes. Negeri-negeri lain melaporkan bilangan kes denggi di bawah 2,000. Sehubungan itu, kerjasama antara orang ramai dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu ditingkatkan dalam memusnahkan kawasan pembiakan nyamuk *Aedes* bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan Demam Denggi.

Sebanyak 135 kes kematian akibat Demam Denggi dilaporkan di seluruh negara sehingga 5 Ogos 2017 berbanding tahun 2016 iaitu 147 kes kematian direkodkan untuk tempoh yang sama. Walaupun mengalami

pengurangan sebanyak 12 kes (8.2%), Kementerian Kesihatan tetap mahu masyarakat meningkatkan lagi aktiviti pencegahan dan kawalan denggi di kawasan kediaman masing-masing.

Sepanjang Minggu ke-31, sejumlah 685 lokaliti wabak Demam Denggi masih aktif dilaporkan termasuk 107 lokaliti hotspot semasa yang dilaporkan melibatkan lima (5) buah negeri iaitu 79 lokaliti di Selangor, 12 lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, 12 lokaliti di Johor, dua (2) lokaliti masing-masing di Perak dan Pulau Pinang.

Jumlah kumulatif kes Chikungunya yang direkodkan pada tahun 2017 sehingga 5 Ogos 2017 adalah sebanyak 248 kes iaitu 186 kes dari Kedah, 33 kes dari Selangor, 24 kes dari Johor, tiga (3) dari Kelantan dan dua (2) kes dari Perak. Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Mohd Zim *et al.* pada tahun 2012 menunjukkan bahawa kesakitan pada sendi yang berpanjangan sehingga beberapa bulan adalah salah satu kesan daripada penyakit Chikungunya.

Dari 1 Januari 2017 sehingga 5 Ogos 2017, tiada kes jangkitan virus Zika dilaporkan di Malaysia setakat ini. Pemeriksaan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) ke atas 1053 sampel darah dan 29 sampel air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah semuanya didapati negatif. Walau bagaimanapun, pemantauan akan terus diperketatkan untuk mengekang penularan penyakit berkenaan.

Malaysia akan menjadi tuan rumah Sukan SEA ke-29 yang akan berlangsung dari 19 hingga 30 Ogos 2017 sementara Sukan Para ASEAN pula akan diadakan dari 17 hingga 23 September 2017. Beberapa lokasi di seluruh negara telah dipilih sebagai tempat acara sukan yang akan dilangsungkan. Bagi menangani kejadian dan penularan wabak denggi khususnya di lokasi-lokasi Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN, Jawatankuasa Bertindak Bagi

Pembasmian Denggi yang dianggotai Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara dan Perbadanan Stadium Malaysia telah ditubuhkan pada 29 Januari 2017. Aspek kebersihan perlu diutamakan kerana persekitaran yang bersih sekali gus akan menghapuskan kewujudan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**

DATUK DR SHAHNAZ MURAD
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia
No. MMC 26324



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

11 Ogos 2017

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 31/2017
(30 Julai hingga 5 Ogos 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 31/2017		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 31/2016	
		Minggu 31 (30 Julai – 5 Ogos 2017)		Minggu 30 (23 Julai – 29 Julai 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Kes	Kes	Mati				
1	Perlis	3	0	6	0	130	0	106	1
2	Kedah	29	0	28	0	1,044	4	599	2
3	P. Pinang	50	1	67	0	1,562	11	1,989	11
4	Perak	58	0	78	0	4,454	9	2,508	7
5	Selangor	1,067	0	1,039	1	32,591	52	35,935	51
6	WP KL & Putrajaya	210	0	216	0	6,165	19	5,659	13
7	N. Sembilan	41	0	45	0	2,422	11	1,792	18
8	Melaka	30	0	27	0	940	1	1,461	5
9	Johor	258	0	188	0	4,972	14	8,206	12
10	Pahang	33	0	28	0	1,143	2	1,598	6
11	Terengganu	8	0	12	0	204	1	1,600	13
12	Kelantan	52	0	69	0	1,941	2	2,009	2
13	Sarawak	12	1	10	0	687	4	1,817	5
14	Sabah	47	0	58	1	1,230	5	2,152	1
15	WP Labuan	1	0	7	0	36	0	6	0
	MALAYSIA	1,899	2	1,878	2	59,521	135	67,437	147

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 31/2017
(30 Julai hingga 5 Ogos 2017)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokality	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Mutiara Taman Sri Nanding	119	193
2	WPKL	Cheras	Flat Sri Kota	71	182
3	SELANGOR	Gombak	Appt Laguna Biru	126	164
4	SELANGOR	Hulu Langat	Pandan Height Kondo Taman Pandan Mewah	54	161
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	85	136
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	59	132
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	37	127
8	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo)	104	117
9	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	22	106
10	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Desa Mutiara Sungai Jelok	33	106
11	WPKL	Cheras	Flat Sri Penara	72	104
12	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Suasana 4 Bandar Tun Hussein Onn	66	102
13	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 15-25 Taman Kantan Permai	56	101

14	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35)	38	98
15	SELANGOR	Hulu Langat	Evergreen Park Acorn & Hazel Bandar Sungai Long	52	97
16	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 1-14 Taman Kantan Permai	26	95
17	WPKL	Cheras	Jalan Mewah	41	89
18	PERAK	Kinta	Tmn Silibin	21	89
19	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	36	88
20	SELANGOR	Gombak	Kg Kerdas 5	49	87
21	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/12 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	60	87
22	WPKL	Cheras	Bukit Jalil(Vista Komanwel B)	34	86
23	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	23	86
24	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Taming Kiri Taman Taming Jaya	19	82
25	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Suasana 2 Bandar Tun Hussein Onn	53	82
26	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	64	81
27	WPKL	Cheras	Bayu Tasik Condo 1	23	78
28	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Mewah 2 Pandan Mewah	18	78
29	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sungai Chua	12	77
30	WPKL	Cheras	P/Puri Kos Rendah Bdr Tasik Selatan (Blok A - E)	58	76
31	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 (Pangsapuri Seroja)	27	75

32	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 9)	33	74
33	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat Z6	27	72
34	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv 11 (Zon A)	22	72
35	SELANGOR	Gombak	Kg Kerdas 4	33	70
36	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Jelok	17	68
37	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Sl 6 Bandar Sungai Long	20	67
38	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Sri Tanjung	19	65
39	WPKL	Cheras	Pangsapuri Segar Ria, Tmn Segar	16	63
40	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Delima Taman Pinggiran Delima	32	62
41	WPKL	Cheras	Jalan Jujur	16	61
42	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Tenaga	12	61
43	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kosas 1/8-1/13 Taman Kosas	17	61
44	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 10 D'rozelle Kondo	22	61
45	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 9 Sd Court	26	60
46	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt. Sri Cempaka Bs	28	59
47	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 4 Bandar Teknologi	12	58
48	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Jasmin 16-22 Taman Jasmin	17	58
49	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Sri Indah	32	57

50	JOHOR	Johor Bharu	Flat Taman Mawar	24	57
51	WPKL	Cheras	Appt Arena Green,Bukit Jalil	15	56
52	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Putera 1/1-11/1 Bandar Mahkota Cheras	15	56
53	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Palm Spring Kondo 2 : Blok D, E, F	17	55
54	SELANGOR	Hulu Langat	Kawasan Perindustrian Bukit Angkat Sungai Chua	7	54
55	SELANGOR	Gombak	Kg Tengah	18	54
56	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cendana_Zon 3	21	54
57	SELANGOR	Hulu Langat	Evergreen Park Cypress Bandar Sungai Long	18	53
58	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Utama	17	53
59	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat Z5	14	53
60	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Impian & Jln U5/178 - 180 & Jln Cc U5/Cc-Ce U5/Ce)	17	53
61	JOHOR	Johor Bharu	Tapak Projek R&F Tanjung Puteri	88	53
62	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Setia Indah_Jln Setia Indah 2/	11	53
63	PERAK	Kinta	Jln Laxamana,Ipoh	8	52
64	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 Ridzuan Kondo	16	51
65	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Rakan 9-17 Taman Rakan	9	48
66	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Taman Kajang Mewah	13	48
67	SELANGOR	Sepang	Unipark Condo	11	47

68	SELANGOR	Gombak	Tmn Desa Jaya Zon 3	6	47
69	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Tanjung Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	7	46
70	JOHOR	Kulaijaya	Tmn Mewah 2	14	46
71	SELANGOR	Hulu Langat	Pekan Kajang	9	45
72	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Pahlawan Bandar Mahkota Cheras	15	45
73	WPKL	Cheras	Sri Mas Kondo	9	44
74	SELANGOR	Petaling	Bt 13 1/2 Koi Tropika	6	43
75	SELANGOR	Gombak	Bdr Country Homes Fasa 13	10	42
76	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Megah Ria_Jln Jelatang	17	42
77	JOHOR	Johor Bharu	Flat Peringkat 2, Perjiranan 9	10	41
78	WPKL	Cheras	Appt Jalil Damai (Bukit Jalil)	9	40
79	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Alamanda-Enau Taman Bukit Belimbing	10	40
80	SELANGOR	Gombak	Sri Maya Condo	11	39
81	WPKL	Cheras	Asrama Smaiwp	20	38
82	SELANGOR	Petaling	Usj 6/2	14	38
83	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 3	11	38
84	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Vista Panorama Taman Bukit Permai	6	37
85	SELANGOR	Gombak	Au2a Tmn Keramat (Zon B)	4	37
86	SELANGOR	Gombak	Appt Palma Bch	12	37

87	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kenanga	11	37
88	JOHOR	Kulaijaya	Tmn Indahpura Blok Kenanga	16	37
89	SELANGOR	Gombak	Tmn Samudera Selatan	6	36
90	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 (Puncak Perdana Teres A : Jln U10/15 - U10/29)	5	36
91	P PINANG	Barat Daya	Pangsapuri Seri Intan	8	36
92	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Kota Masai_ Jln Cermat	6	36
93	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bj 1-12 Taman Balakong Jaya	6	35
94	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A, B)	8	35
95	SELANGOR	Kuala Langat	Jalan Wakaf Islam (Jalan Pusara)	7	35
96	SELANGOR	Petaling	Putra Height 8 (Jln Putra Bahagia 8/2)	6	35
97	JOHOR	Kulaijaya	Taman Desa Idaman_Blok 1	19	34
98	SELANGOR	Hulu Langat	Kuarters Hospital Ampang	10	33
99	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Inang Taman Impian Ehsan	4	33
100	P PINANG	Barat Daya	Medan Batu Maung	5	33
101	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Melur Taman Sutera	6	32
102	SELANGOR	Klang	Tmn Gembira (Lorong Hilir)	8	32
103	SELANGOR	Gombak	Tmn Berjaya	18	32
104	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Saujana Damai	15	32

105	JOHOR	Johor Bharu	Politeknik Jb	10	32
106	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Perkasa	6	31
107	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Nadayu Kajang	7	31

KES MINGGUAN DENGGI MALAYSIA TAHUN 2016 DAN 2017
(Minggu 31 sehingga 5 Ogos 2017)

